

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY
(BACHOK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY [BACHOK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima BR1M di Bachok yang telah dihentikan bantuan. Nyatakan jumlah rayuan yang diterima dan ditolak.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod bilangan penerima BR1M Bachok 2015 yang tidak menerima BR1M 2016 adalah seramai 8,422 orang. Sebab-sebab utama kegagalan adalah seperti berikut:

Bil	Sebab-sebab Utama Kegagalan	Bilangan Penerima Gagal
1	Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan melebihi RM2,000	2433
2	Semakan rekod agensi / maklumat pada borang mendapati pendapatan isi rumah melebihi RM4,000	1888
3	Maklumat pendapatan pemohon perlu pengesahan	702

4	Pemohon disenaraikan sebagai penerima Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)	580
5	Lain-lain	2819
	Jumlah	8422

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan telah membuka ruang kepada mereka yang gagal untuk membuat rayuan dari 15 Mac hingga 15 April 2016. Berdasarkan rekod, jumlah keseluruhan rayuan bagi Parlimen Bachok adalah seramai 1,152 orang. Permohonan rayuan tersebut masih diperingkat pemprosesan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan sekiranya lulus, pembayaran akan dibuat mulai peringkat ketiga pembayaran iaitu pada 23 Jun 2016.